

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN :      BERTULIS**

**DARIPADA        :      DATUK ABDUL RAHIM BIN BAKRI  
[ KUDAT – BN ]**

**SOALAN (NO. 542)**

Minta **KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN** menyatakan bilakah kerajaan bercadang untuk membina sebuah pusat sukan komuniti di Daerah Pitas memandangkan Daerah Pitas masih belum memiliki kemudahan tersebut

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) buat masa ini tiada perancangan untuk membina pusat sukan komuniti di Daerah Pitas. Walau bagaimanapun, sekiranya tapak yang sesuai telah dikenal pasti, pihak Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan cadangan tersebut melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sabah untuk dipertimbangkan.
2. Selain itu juga, di Daerah Pitas terdapat 4 buah Gelanggang Futsal 1 Malaysia dan Sebuah Gelanggang Futsal 1 Mukim yang telah dibina dibawah RMK-9 dan RMK-10.

Sekian, terima kasih.